



SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI BERJAYA MELEPASI SASARAN 500,000 RUMAH MAMPU MILIK DI BAWAH RMKE-12

JOHOR BAHRU, 9 Disember 2025 – Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencipta sejarah dalam agenda perumahan negara dengan **pencapaian sasaran pembinaan 500,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming berkata di satu sidang media bahawa sebanyak **511,544 unit RMM telah dibina** dan perolehi kelulusan sekaligus melepasi sasaran 500,000 unit.

Jumlah RMM ini merangkumi unit yang telah siap, unit yang sedang dalam pembinaan serta unit yang telah menerima kelulusan merancang.

YB Menteri mengulas perkara ini semasa lawatan kerjanya ke tapak projek Vista Tiara di Danga Bay, sebuah projek sakit 2003 unit yang berjaya dipulihkan melalui intervensi KPKT dan Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbangkalai (TFST).

Beliau juga mengambil kesempatan untuk melawat tapak pembangunan PRR baharu di Larkin, Johor Bahru yang dirancang untuk projek Residensi Rakyat dengan jumlah nilai peruntukan RM82 juta.

Beliau berkata bahawa kejayaan ini mencerminkan komitmen padu antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pemaju swasta yg kini bekerja sebagai satu pasukan.

“Pencapaian sasaran jumlah rumah mampu milik ini juga meletakkan asas kukuh dan menyediakan landasan kepada usaha negara untuk mencapai sasaran sejuta rumah mampu milik di bawah RMKe-13 dalam tempoh 10 tahun menjelang 2035”, kata Menteri.

KPKT menegaskan bahawa usaha memperluas penawaran rumah mampu milik akan diteruskan selari dengan keperluan rakyat dan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, inklusiviti dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

“Pencapaian dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ini amat bermakna untuk negara dan ia hanya dapat direalisasikan melalui kerjasama erat semua pihak.

“Matlamat kita adalah jelas, iaitu memastikan rakyat mampu memiliki kediaman yang selamat, berkualiti dan berpatutan,” katanya.

Di bawah RMKe-12, Kerajaan Persekutuan menetapkan sasaran menyediakan 500,000 unit Rumah Mampu Milik bagi memenuhi keperluan rakyat antara 2021 dan 2025. Sasaran ini sebelum ini tidak pernah dicapai namun kini setelah dilaksanakan melalui kerjasama KPKT, Kerajaan Negeri dan pemaju swasta, Pencapaian tersebut kini menjadi asas kukuh bagi usaha menyediakan sejuta rumah mampu milik dalam RMK-13.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI
#eSPAdiManaMana
TEDUHbersama

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T